

25 AUG 1997

Muhyiddin-Bina Badan

ISU SURAT JAIS AKAN DIBAWA KE KABINET

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Isu pengharaman penyertaan atlet bina badan beragama Islam yang dilakukan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) akan dibawa ke kabinet untuk dibincangkan, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

"Isu ini akan saya kemukakan kepada kabinet dan biarlah ianya diputuskan setelah perbincangan. Ianya penting untuk dijadikan panduan oleh kementerian saya berkaitan kewajaran tindakan yang dilakukan JAIS," katanya.

Muhyiddin berkata kepada pemberita selepas merasmikan Kejohanan Tinju Piala Agong ke-3 dan Kejohanan Tinju Asia ke-19 di Stadium Negara yang bermula hari ini sehingga 31 Ogos.

Yang turut hadir pada majlis itu presiden Persekutuan Tinju Amatur Malaysia (PTAM) yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamad Isa Abd Samad.

Pada 8 Ogos lepas, Ketua Pegawai Penguatkuasa JAIS Osman Ibrahim mengirimi surat kepada Persatuan Bina Badan Sarawak (PBBS) mengatakan adalah haram bagi orang Islam mendedahkan aurat mereka dan pesalah boleh dihukum mengikut seksyen 4(1) Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah kerana "perbuatan tidak senonoh".

Bagaimanapun, tiga orang peserta beragama Islam -- Rabu Suhaili, Rusli Kassim and Bujang Jamah terus mengambil bahagian pada pertandingan 'Mr Kuching' anjuran PBBS malam tadi dan berjaya mendapat tempat dalam kategori masing-masing.

Muhyiddin berkata isu itu telah diulas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini dan beliau tidak bercadang untuk memberikan sebarang ulasan sebelum dibincangkan oleh kabinet.

Sementara itu Muhyiddin berkata pemilihan yang terbaik dan sesuai hendaklah dibuat oleh persatuan-persatuan sukan sebelum menghantar peserta bagi menyertai sebarang kejohanan untuk sepanjang tahun depan.

Banyak kejohanan akan berlangsung tahun depan dan bayangkan jika peserta negara mengalami kecederaan, pasti ianya akan menjejaskan persiapan negara untuk Sukan Komanwel, katanya.

Beliau berkata kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Penyediaan Atlet bagi Sukan Komanwel hari ini dan perkara ini telah disuarakan untuk tindakan susulan.

Kita berharap dapat memperbaiki kedudukan dalam Sukan Komanwel dari yang sebelumnya dan persiapan yang dilakukan dalam semua aspek mestilah berjalan dengan lancar, katanya.

Muhyiddin berkata jawatankuasa memaklumkan kepada beliau peserta negara kini telah memasuki latihan Fasa Tiga dan telah membelanjakan sebanyak RM102 juta serta kementerian berpuashati dengan perjalanan latihan tersebut.

Sementara itu, cabaran negara berakhir pada hari pertama kejohanan setelah tiga orang peninju tewas ditangan pencabar masing-masing.

Peninju handalan negara Sapok Biki tewas dengan kiraan mata 6-21 kepada Subun Punnon dari Thailand dalam kategori 48kg, Arduena Yusif tewas 8-13 kepada Merejnyazov (Turkmenistan) dalam kategori 54kg dan Samsudin Maidin tewas 0-17 kepada Daurier (Kazakhstan) dalam kategori 67kg. -- BERNAMA

MAN AHH